



# The Observer

25.03.2022

**MSWG akan mengadakan webinar untuk pelabur runcit yang bertajuk "Menambah peluang untuk menang dalam pasaran saham" ("Improving the Chances of Winning in the Stock Market") dan "Perkembangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG) 2021" bermula jam 8.00 malam pada 28 Mac 2022 (Isnin). Sila layari <https://bit.ly/3CvaVeR> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.**

## ❖ Adakah berdua itu lebih baik?

Dalam dunia perkapalan, terdapat ciri kepimpinan yang membayangkan bahawa kita boleh mempunyai dua nakhoda dalam sebuah kapal yang sama, tetapi kita tidak boleh mempunyai dua hala tuju yang berbeza kerana di situlah kegagalan bermula.

Walau bagaimanapun, dalam arena masakan, kita sering diingatkan tentang pepatah lama iaitu terlalu banyak campur tangan akan merosakkan hidangan. Meskipun demikian, pemilik restoran besar tetap mengalu-alukan lebih daripada seorang tukang masak untuk memastikan kejayaan restorannya.

Dalam erti kata lain, ia bukan lagi sesuatu yang luar biasa dalam dunia korporat hari ini bagi sesetengah syarikat untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer, CEO*) bersama atau mengaplikasikan model kepimpinan ketua eksekutif bersama.

Walaupun pandangan umum mengatakan berdua lebih baik, model kepimpinan bersama seumpama ini menuntut profesionalisme dan persefahaman yang tiada tolok bandingnya daripada kedua-dua ketua supaya tampuk kepimpinan kekal utuh.

Perkara ini jarang sekali berlaku dalam kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Baru-baru ini, Berjaya Corporation Berhad (BJCorp) telah mengikut jejak langkah melantik CEO bersama dengan pelantikan Vivienne Cheng Chi Fan dan Syed Ali Shahul Hameed sebagai CEO kumpulan bersama, berkuat kuasa 1 April 2022. Ini berikutan peletakan jawatan Abdul Jalil Abdul Rasheed sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan syarikat itu berkuat kuasa 31 Mac 2022.

Ini bukanlah kali pertama Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun, pengasas dan pengerusi BJCorp, mengaplikasikan model kepimpinan bersama dalam syarikat-syarikat yang dimiliki oleh beliau.

Anda pasti ingat pada Oktober 2020, pengendali kedai runcit dan serbaneka 7-Eleven Malaysia Holdings Berhad telah melantik ketua pegawai kewangannya ketika itu iaitu

Wong Wai Keong dan pengarah eksekutif Tan U-Ming sebagai CEO bersama syarikat, berkuat kuasa 1 Disember 2020.

Nun jauh di seberang lautan, syarikat penerbitan dan penyedia perkhidmatan penstriman berasaskan langganan Amerika Syarikat iaitu Netflix Inc beroperasi dengan dua CEO. Pengasas bersama iaitu Reed Hastings menyelia bahagian penstriman syarikat manakala Ted Sarandos bertanggung jawab terhadap konten Netflix.

Mengambil contoh yang lebih dekat, konglomerat Korea Selatan iaitu Samsung Electronics Co. mempunyai dua CEO. Han Jong Hee dan Kyung Kye Hyun yang dilantik sebagai CEO pada akhir 2021, menyelia perniagaan yang berbeza dalam gergasi elektronik itu. Samsung juga pernah mempunyai tiga CEO bersama pada tahun 2013 dan 2018.

### **Sisi baik dan buruk**

Dikatakan bahawa konsep kepimpinan CEO bersama semakin mendapat pengiktirafan sejak kebelakangan ini selepas teretusnya pandemik COVID-19. Beban tugas untuk memastikan perjalanan organisasi perniagaan yang berlatarkan krisis kesihatan global telah menjejaskan kesihatan mental eksekutif yang memegang jawatan tertinggi syarikat (C-suite) dengan keperluan mendesak untuk mengurus tenaga kerja syarikat secara jarak jauh.

Walaupun sekarang ketika syarikat meletakkan fokus yang serius terhadap pemulihan dan pertumbuhan dalam iklim ekonomi yang semakin sukar, lebih ramai mula mempersoalkan status quo. Ini menyebabkan banyak perniagaan mula menggunakan pakai konsep CEO bersama berdasarkan teori bahawa mereka mahu memacu pemulihan perniagaan tanpa risiko meletakkan semuanya di atas bahu seorang individu.

Tidak dapat dinafikan bahawa kadar kejayaan pengaturan CEO bersama ini membuahkan hasil yang berbeza, berlainan dari satu industri kepada industri yang lain. Ini sebahagian besarnya dikaitkan dengan hakikat bahawa "walaupun berdua lebih baik, namun tiada dua minda yang berfikiran serupa".

Para pengkritik terhadap kepimpinan bersama percaya bahawa kunci kepada sesebuah organisasi yang berjaya adalah dengan mempunyai seorang pembuat keputusan yang mampu membuat keputusan yang tepat serta mempunyai pengaruh yang berkesan, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif.

Pada tahun 2020, firma perisian SAP memansuhkan struktur CEO bersamanya selepas hanya enam bulan, dengan menyatakan bahawa "model seorang CEO" akan "menyediakan struktur kepimpinan yang lebih jelas" bagi menangani cabaran perniagaan yang berkaitan pandemik. Ketua Pegawai Eksekutif bersama bagi pembuat tayar Pirelli, Angelos Papadimitriou juga meletakkan jawatan pada Januari 2021 selepas hanya enam bulan, dengan alasan yang disebut sebagai keputusan yang dipersetujui bersama.

Walau bagaimanapun, HR Asia, sebuah penerbitan yang berkisar tentang isu sumber manusia (*human resources*, HR) serantau, percaya bahawa "bertentangan dengan

jangkaan akal, struktur kepimpinan eksekutif bersama boleh dan dapat melaksanakan tugas apabila berada dalam situasi yang tepat."

Berikut adalah beberapa perspektif:

**Keputusan perniagaan yang lebih berkesan:** Struktur tadbir urus yang dikongsi membolehkan dua CEO dengan personaliti, latar belakang dan pengalaman yang berbeza berkongsi perspektif, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan sebelum membuat keputusan perniagaan yang penting serta membantu penggubalan dasar. Menggunakan seorang lagi CEO sebagai tukang dengar dapat mengurangkan risiko kebarangkalian sesuatu keputusan yang penting terjejas disebabkan kecenderungan peribadi selain memberikan tahap objektiviti yang lebih tinggi.

**Pengurusan strategi yang lebih mantap:** Struktur ini menyatukan dua individu yang saling melengkapi dalam pekerjaan atau taraf pendidikan (misalnya, Ketua Pegawai Eksekutif mempunyai kelulusan MBA manakala yang seorang lagi mempunyai latar belakang siswazah dalam bidang sains). Ini menyatukan set pengalaman dan pengetahuan yang lebih meluas serta menghasilkan strategi jangka panjang yang lebih baik.

**Menjaga kepentingan pemegang saham:** Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bersama perlu mengamalkan pengawalseliaan sendiri. Setiap CEO akan memastikan mereka saling bekerja keras demi meningkatkan hasil, seterusnya mengurangkan keperluan untuk mengaitkan gaji dengan prestasi seperti jawatan CEO tunggal. Selain itu, kehadiran CEO bersama secara tersirat akan mewujudkan situasi yang mana mereka memantau satu sama lain, yang menjurus kepada akauntabiliti yang lebih besar dalam pengurusan dan perlindungan kepentingan pelabur serta pihak berkepentingan lain.

## **Kesimpulan**

Tidak dinafikan terdapat kebaikan dan keburukan dalam kedua-dua model kepimpinan CEO tunggal dan CEO bersama. Melihat dari sudut pandang pemegang saham minoriti, adalah diharapkan bahawa lembaga pengarah BCorp telah mempertimbangkan dengan sewajarnya kesesuaian pelaksanaan model CEO bersama dalam kumpulan kerana ini pasti akan meningkatkan kadar kejayaan pelaksanaannya.

Walaupun bukan kelaziman, model kepimpinan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi nilai pemegang saham memandangkan harga saham BCorp berada dalam trend menurun daripada paras tertinggi intra hari 50.5 sen yang direkodkan pada 1 April 2021 (lebih daripada paras tertinggi dalam tempoh enam tahun) kepada julat harga semasa 23 sen (penyusutan 54%).

Walau apa pun kesudahannya, kedua-dua CEO bersama perlu bekerjasama dalam sebuah perkongsian, namun perlu ada sempadan terhadap peranan yang dimainkan oleh mereka dalam proses operasi dan membuat keputusan dalam perniagaan.

Sekali lagi ditegaskan, situasi dua CEO ini mungkin merupakan langkah yang bersifat sementara bagi kumpulan sementara menunggu kemunculan seorang CEO.

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 28 Mac hingga 1 April 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
28.03.22 (Isnin) 10.00 pagi	Cypark Resources Berhad (AGM)	Jumlah pinjaman Cypark mencatatkan pertambahan ketara dalam tempoh lima tahun yang lalu kepada RM1.36 bilion pada tahun kewangan 2021 berbanding RM567.67 juta pada tahun kewangan 2017. Walau bagaimanapun, prestasi kewangannya tidak sepadan dengan kenaikan jumlah pinjaman. Pada masa yang sama, aktiviti operasi Kumpulan secara konsisten mencatatkan aliran tunai yang negatif.
28.03.22 (Isnin) 09.00 pagi	Ageson Berhad (EGM)	Ageson berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penyatuan setiap 15 saham biasa sedia ada dalam Ageson kepada 1 saham.  Ia juga bertujuan mendapatkan kelulusan untuk cadangan terbitan hak boleh lepas sehingga 716.35 juta saham baharu berdasarkan 2 saham hak bagi setiap 1 saham yang disatukan.  Pelaksanaan terbitan hak ini dijangka mengumpul sehingga RM143.3 juta.
29.03.22 (Selasa) 10.30 pagi	Yinson Holding Berhad (EGM)	Yinson berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pelaksanaan aktiviti berikut:

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan terbitan saham bonus sehingga 1.11 bilion saham baharu berdasarkan 1 saham bonus bagi setiap 1 saham sedia ada yang dipegang.</li> <li>- Cadangan terbitan hak saham baharu dengan waran percuma untuk mengumpul sehingga RM1.22 bilion bagi membiayai projek pengeluaran, penyimpanan dan pemunggahan terapung (<i>Floating Production Storage and Offloading, FPSO</i>), membayar balik pinjaman serta mengembangkan perniagaan tenaga dan teknologi hijaunya.</li> </ul>
30.03.22 (Rabu) 10.00 pagi	Bursa Malaysia Berhad (AGM)	Bursa Malaysia mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM355.3 juta untuk tahun kewangan 2021, dengan penurunan tahun ke tahun sebanyak 6.0% daripada 2020. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh dagangan yang lunak dalam Pasaran Sekuriti yang mencatatkan angka tertinggi pada tahun 2020. Purata nilai dagangan harian ( <i>average daily trading value, ADV</i> ) untuk urus niaga dalam pasaran berjumlah RM3.5 bilion, iaitu 15.9% lebih rendah daripada yang dicatatkan pada 2020.
30.03.22 (Rabu) 10.30 pagi	Visdynamics Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan mencatatkan lonjakan 82% kepada RM47.88 juta berbanding RM26.27 juta pada tahun kewangan 2020, disebabkan oleh peningkatan dalam jualan mesin. Peningkatan ini meningkatkan margin keuntungan kasar daripada 61% kepada 65% manakala keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat

		kepada RM12.49 juta berbanding RM2.92 juta pada tahun kewangan sebelum ini. Prestasi kewangan tahun kewangan 2021 ini menetapkan rekod baharu bagi pendapatan dan keuntungan Kumpulan.
31.03.22 (Khamis) 09.00 pagi	Key Asic Berhad (EGM)	Key Asic berhasrat untuk mewujudkan skim opsyen saham pekerja ( <i>employee share option scheme</i> , ESOS) untuk tempoh lima tahun dengan menerbitkan sehingga 15% daripada jumlah saham terbitannya kepada pengarah dan pekerja syarikat yang layak.  ESOS yang diusulkan ini boleh dilanjutkan atau diperbaharui untuk tempoh lima tahun lagi.

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan																																																						
Cypark Resources Berhad (AGM)	<p>Cypark mencatatkan pertambahan yang ketara dalam jumlah pinjaman sepanjang empat tahun kewangan yang lalu. Jumlah aset dan jumlah pinjaman Cypark dalam kunci kira-kira pada 31 Oktober 2021 masing-masing berjumlah RM2.75 bilion dan RM1.36 bilion. Walau bagaimanapun, prestasi kewangannya tidak</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>TK2017</th> <th>TK2018</th> <th>TK2019</th> <th>TK2020</th> <th>TK2021</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>Pendapatan (RM'000)</b></td> <td>301,684</td> <td>352,818</td> <td>376,739</td> <td>304,000</td> <td>315,323</td> </tr> <tr> <td><b>Untung bersih (RM'000)</b></td> <td>57,603</td> <td>81,753</td> <td>91,282</td> <td>70,651</td> <td>75,254</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah aset (RM'000)</b></td> <td>1,316,705</td> <td>1,528,466</td> <td>2,175,434</td> <td>2,374,502</td> <td>2,749,806</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah ekuiti (RM'000)</b></td> <td>507,234</td> <td>658,806</td> <td>757,179</td> <td>950,537</td> <td>1,190,534</td> </tr> <tr> <td><b>Pinjaman (RM'000)</b></td> <td>567,671</td> <td>609,088</td> <td>1,173,413</td> <td>1,219,074</td> <td>1,356,458</td> </tr> <tr> <td><b>Dividen sesaham (sen)</b></td> <td>5.6</td> <td>3.9</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td><b>Pulangan aset (%)</b></td> <td>4.37</td> <td>5.35</td> <td>4.20</td> <td>2.98</td> <td>2.74</td> </tr> <tr> <td><b>Pulangan ekuiti (%)</b></td> <td>11.36</td> <td>12.41</td> <td>12.06</td> <td>7.43</td> <td>6.32</td> </tr> </tbody> </table> <p>menunjukkan peningkatan yang setara yang mana pulangan aset (ROA) dan pulangan ekuiti (ROE) Cypark merosot sejak empat tahun lepas.</p> <p style="text-align: center;">Jadual 1: Sorotan Prestasi Utama Cypark *TK – Tahun kewangan</p>		TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021	<b>Pendapatan (RM'000)</b>	301,684	352,818	376,739	304,000	315,323	<b>Untung bersih (RM'000)</b>	57,603	81,753	91,282	70,651	75,254	<b>Jumlah aset (RM'000)</b>	1,316,705	1,528,466	2,175,434	2,374,502	2,749,806	<b>Jumlah ekuiti (RM'000)</b>	507,234	658,806	757,179	950,537	1,190,534	<b>Pinjaman (RM'000)</b>	567,671	609,088	1,173,413	1,219,074	1,356,458	<b>Dividen sesaham (sen)</b>	5.6	3.9	-	-	-	<b>Pulangan aset (%)</b>	4.37	5.35	4.20	2.98	2.74	<b>Pulangan ekuiti (%)</b>	11.36	12.41	12.06	7.43	6.32
	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021																																																		
<b>Pendapatan (RM'000)</b>	301,684	352,818	376,739	304,000	315,323																																																		
<b>Untung bersih (RM'000)</b>	57,603	81,753	91,282	70,651	75,254																																																		
<b>Jumlah aset (RM'000)</b>	1,316,705	1,528,466	2,175,434	2,374,502	2,749,806																																																		
<b>Jumlah ekuiti (RM'000)</b>	507,234	658,806	757,179	950,537	1,190,534																																																		
<b>Pinjaman (RM'000)</b>	567,671	609,088	1,173,413	1,219,074	1,356,458																																																		
<b>Dividen sesaham (sen)</b>	5.6	3.9	-	-	-																																																		
<b>Pulangan aset (%)</b>	4.37	5.35	4.20	2.98	2.74																																																		
<b>Pulangan ekuiti (%)</b>	11.36	12.41	12.06	7.43	6.32																																																		

	<p>a) Apakah perancangan Kumpulan untuk menambah baik prestasi kewangannya, seterusnya memberikan pulangan yang lebih baik kepada pemegang saham dari segi pulangan aset (ROA), pulangan ekuiti (ROE) dan dividen?</p> <p>b) Cypark secara konsisten mencatatkan aliran tunai negatif daripada aktiviti operasi sejak tahun kewangan 2017 (Sumber: Laporan Tahunan Cypark). Ini menunjukkan Kumpulan terlalu bergantung kepada aktiviti pelaburan dan pembiayaan untuk memastikan perjalanan operasi perniagaan.</p> <p>Aliran tunai negatif daripada aktiviti operasi juga telah menjejaskan keupayaan Cypark untuk membayar dividen walaupun memperoleh keuntungan sejak tiga tahun lepas (rujuk Jadual 1).</p> <p>Dua projek fotovoltan (<i>photovoltaic, PV</i>) solar dan projek sisa kepada tenaga (<i>waste to energy, WTE</i>) SMART dijangka akan bermula pada tahun 2022. Adakah Cypark akan memperoleh aliran tunai yang lebih baik daripada aktiviti operasi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>Bilakah Cypark dapat menjana aliran tunai yang positif daripada aktiviti perniagaan dan seterusnya memberikan ganjaran dividen kepada pemegang saham?</p> <p>c) Apakah kelebihan yang disediakan oleh program Net Energy Metering 3.0 terutama dengan tambahan kuota 300MW yang diumumkan oleh kerajaan? Berapakah jumlah projek (dan jumlah kapasiti) yang akan ditender oleh Cypark di bawah program ini?</p> <p>d) Apakah saiz buku pesanan bagi kerja-kerja kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pentauliahan (<i>engineering, procurement, construction and commissioning, EPCC</i>) yang akan diserahkan?</p>
Bursa Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pada Februari 2020, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Bursa Malaysia Berhad mengumumkan penubuhan sebuah anak syarikat untuk mengambil alih fungsi pengawalseliaan (RegSub) yang pada ketika itu diuruskan oleh Bursa Malaysia.</p> <p>Usaha ini bertujuan menangani kewujudan persepsi konflik kepentingan (<i>conflict of interest, COI</i>) yang berpotensi</p>

	<p>antara fungsi pengawalseliaan dan objektif komersial Bursa Malaysia.</p> <p>Sebelum ini, RegSub dijangka beroperasi menjelang akhir tahun 2020. Bagaimanapun, setakat ini, entiti tersebut masih belum memulakan operasinya.</p> <p>a) Apakah isu yang menghalang permulaan operasi RegSub?</p> <p>b) Bilakah isu ini akan diselesaikan, seterusnya membolehkan permulaan operasi RegSub?</p>
<p>Visdynamics Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun terdapat kekangan yang berpunca daripada kekurangan bekalan cip semikonduktor di peringkat global, pemain industri kekal optimistik kerana permintaan pengguna untuk cip melonjak merentasi semua industri. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Adakah peperangan Rusia-Ukraine yang berterusan memburukkan lagi kekurangan bekalan cip semikonduktor di peringkat global? Bagaimanakah dan sejauh manakah peperangan Rusia-Ukraine yang berterusan ini menjejaskan operasi Kumpulan?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

---

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*



*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini*